

Cabaran bagi Trengganu

Bukti orang Melayu boleh maju—Musa

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

tanian, perikanan dan lain-lain akan memberi peluang kepada rakyat Trengganu membuktikan kemampuan mereka kepada bangsa lain.

Beliau mengingatkan, setiap rancangan di Trengganu memerlukan tenaga pekerja di semua peringkat, sama ada buruh kasar, tenaga mahir, pengurusan atau profesional.

"Semua ini bermakna rakyat di Trengganu hendaklah bercita-cita tinggi dan menyediakan diri mereka serta anak-anak mereka bagi merebut peluang untuk maju supaya ia tidak dirampas orang lain," tambahnya.

Waspada

Untuk mencapai hasrat itu, tegas Datuk Musa, rakyat Trengganu diberi peluang luas dalam bidang pelajaran di semua peringkat bagi memastikan mereka



DATUK MUSA HITAM

benar-benar bersedia memaikan peranan dalam pembangunan.

Beliau mengingatkan rakyat di negeri ini supaya berwaspada terhadap kemungkinan wujudnya di kalangan mereka anasir yang di-

sifatkannya 'anasir penjajah' yang hendak memecah-belah dan melemahkan masyarakat Melayu.

"Rupa mereka sama dengan kita tetapi taktik mereka sama dengan penjajah sebelum kita merdeka yang menganggap kita kaum yang semula jadinya tidak boleh cepat mencapai kemajuan, bodoh, malas dan sebagainya," tambahnya.

Sifat mereka ini bukan terhad kepada penjajah sahaja tetapi juga kepada orang-orang bukan Melayu dan yang anahnya, kata Datuk Musa, orang-orang Melayu sendiri menganggap diri mereka tidak boleh berjaya dalam bidang seperti perniagaan.

Katanya, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru juga bertujuan menghapuskan prasangka itu dan untuk mengubah sikap orang Melayu sendiri.